

Qalam

Bilangan 84 Zulhijjah 1376 Julai 1957 70 sen

Kita Dengan Kemerdekaan

Tidak dapat dinafikan bahawa tiap-tiap rakyat akan gembira menyambut kemerdekaan yang telah ditentukan pada 31 Ogos 1957 hadapan ini. Adakah kemerdekaan itu penuh atau 80 peratus tidaklah menjadi suatu hal yang menyebabkan tidak disambut dengan gembira kerana kemerdekaan itu adalah suatu cita-cita yang murni bagi penduduk-penduduk yang dijajah.

Tiap-tiap kemerdekaan, tiap-tiap kemerdekaan yang dapat itu ada setengahnya dengan pengorbanan darah, bermandikan dengan darah, tetapi ada juga kemerdekaan tidak ditumpahi dengan darah yang merah - kemerdekaan serupa ini didapati dengan cara berbaik-baik di antara penjajah dan orang-orang yang dijajah.

Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaannya xx jenis yang kedua yakni kemerdekaan yang didapat xxxxx berebut dengan tidak menumpahkan darah yang merah. Walaupun begitu tiap-tiap kemerdekaan mestilah ada pengorbanan dan tidak ada satu kemerdekaan yang didapat xx tidak ada pengorbanan. Di dalam negeri-negeri yang merdeka xx darah atau yang tidak dengan darah pengorbanan yang besar berada kerana segala sesuatu mestilah dipikul oleh negara itu sendiri.

Kalau pada mulanya rakyat umum di India memandang kemerdekaan negaranya itu sebagai nikmat tetapi kemudiannya

mereka mengetahui bahawa untuk mendapat nikmat itu mereka mesti memberi pengorbanan yang penuh – cukup naik dan segalanya-galanya naik. Itulah satu pengorbanan yang dikehendaki oleh tiap-tiap negara yang mahu merdeka.

Adakah sudah diterangkan oleh pemimpin-pemimpin kita kepada rakyat umum, tentang apakah ertinya kemerdekaan itu kepada mereka? Kejadian-kejadian yang berlaku di Indonesia adalah menjadi cermin bagi kita di sini supaya tatkala merdeka nanti tidaklah rakyat itu bebas dengan sekehendak hati, merampas hak-hak orang daripada kaum modal, mendirikan rumah dengan sesuka-sukanya, anak isteri orang merdeka juga untuk mereka dan seterusnya parti yang berkuasa memilih orang-orangnya – memilih teman dan rakan sejawatnya untuk memerintah negeri, mentadbirkan negeri, sekalipun mereka itu tidak mempunyai sesuatu kelayakan.

Kalau parti berkuasa maka dipulaukan parti lain, ertinya orang-orang parti sahaja yang berhak memerintah dan mentadbir negeri dan orang-orang yang bukan daripada parti itu atau bukan daripada partinya tidak diberi kelulusan untuk mentadbirkan negeri sekalipun ia mempunyai kelayakan di dalam kerajaannya-kerajaannya.

Ketua Menteri Tengku Abdul Rahman hendaklah menginsafi bahawa apabila perikatan berkuasa dan kemerdekaan didapati tentu akan menghadapi desakan-desakan dari orang-orang partinya sendiri yang menghendaki atau menuntut supaya jawatan-jawatan itu diserahkan kepada orang-orang mereka sendiri sekalipun orang-orang itu diketahui tidak berkelayakan di dalam mentadbirkan hal-hal negerinya sendiri. Kalau yang dipandang hanya orang parti sendiri yang berhak dan berkuasa memerintah dan diikuti oleh Ketua Menteri itu maka tidak syak kita berkeyakinan keruntuhan akan timbul dan perbuatan sewenang-sewenang akan menjadi-jadi – makan suap akan bermaharajalela di dalam pertadbiran itu nanti dan

akhirnya jugalah keruntuhan dan kebinasaan di dalam negeri yang merdeka itu.

Sebab itu maka di dalam urusan pentadbiran, janganlah hendaknya seperti di Indonesia – orang-orang yang berkelelahan dan berkelulusan diketepikan dan orang-orang yang bukan ahli di dalam sesuatu diletakkan untuk memegang sesuatu pekerjaan yang bukan diketahuinya. Ketua Menteri mesti ingat dan mesti tegas bahawa ia bertanggungjawab kepada masyarakat umum, sebagai sifatnya Ketua Menteri bukannya bertanggungjawab kepada hanya partinya sendiri.

Adakah Ketua Menteri akan sanggup menolak kehendak orang-orang daripada partinya sendiri yang bersifat mengambil peluang (*opportunist*) bermuka-muka kepada beliau dengan sesuatu hajat dan apabila cita-citanya tidak diperoleh maka orang itu nanti akan melarikan diri dan menyingkirkan diri dari parti dan Ketua Menteri sendiri? Inilah hal-hal yang kita percaya perlu diperhatikan oleh Ketua Menteri kepada orangnya-orangnya, dalam lingkungannya supaya janganlah hendaknya nanti kemerdekaan yang didapat itu menjadi kemerdekaan sebagai yang ada di Indonesia – orang yang ahli diketepikan, orang-orang parti dikemukakan dan rakyat tidak diberi keterangan-keterangan yang jelas apa ertinya merdeka, apa ertinya kemerdekaan itu – Adakah kemerdekaan itu untuk berkuasa mengambil segala sesuatu, adakah kemerdekaan itu suatu pengorbanan yang mesti dipikul oleh rakyat dengan erti yang saksama? Janganlah rakyat hendaknya, terutama yang di kampung-kampung, berpengertian bahawa ertinya merdeka itu ialah merdeka segala-galanya -boleh mengambil perkebunan orang untuk dijadikan tanah sendiri diukur dengan sendiri, berleluasa mengambil hak-hak orang asing atau orang lain dengan semahu-mahunya sahaja seperti yang didapat pada permulaan

kemerdekaan Indonesia dahulu. Bercerminlah hidup kepada kejadian-kejadian di Indonesia kerana sifat penduduk di sana dengan sifat penduduk di sini serupa - kalau tidak diberi kenyataan yang tegas maka jugalah kehancurannya. Kita suka mengingatkan tentunya hadis junjungan kita Muhammad (SAW) yang bersabda (maksudnya): Sesuatu pekerjaan yang diserahkan kepada bukan ahlinya jugalah kebinasaannya.

* * *

Kerajaan tempatan dengan ahli-ahli perniagaan kecil

Kerajaan campuran Singapura yang dikuasai oleh buruh, untuk kebajikan ahli-ahli pekerja telah memperundang-undang beberapa peraturan untuk keselamatan buruh. Di antara peraturan-peraturan yang ditetapkan itu bahawa tiap-tiap buruh hendaklah bekerja hanya 44 jam dalam seminggu. Apabila genap setahun bekerja hendaklah diberi cuti tujuh hari, 26 hari diluluskan untuk orang yang sakit, dan tiap-tiap buruh hendaklah diberi perubatan oleh doktor-doktor yang dibelanjai oleh majikan-majikannya. Juga majikan-majikan itu dikehendaki membayar lima peratus daripada gaji-gaji pekerja itu untuk dijadikan wang kumpulan yang dinamakan *Provident Fund*. Cara yang saksama ini sebenarnya baik dan patut dipuji bagi kebaikan buruh-buruh itu. Tetapi orang-orang yang berkenaan, yakni majikan-majikan itu patutlah pula difikirkan bagaimana penderitaan mereka menanggungjawab kepada peraturan-peraturan yang dijalankan itu.

Kerajaan tempatan (kerajaan Singapura) mestilah pula tidak hanya memikirkan kebaikan, keselamatan pihak buruh sahaja tetapi juga kepada orang-orang yang berkenaan lainnya. Kita katakan yang lainnya kalaulah hanya peraturan-peraturan itu dikenakan kepada perusahaan-perusahaan besar yang mempunyai banyak kakitangan, beribu-ribu dan seumpamanya yang mempunyai